

08 DEC 1998

Parlimen-Lulus

DEWAN RAKYAT LULUS RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 tanpa pindaan setelah dibahaskan pada peringkat dasar dan peringkat jawatankuasa selama 26 hari.

Sebanyak RM65.095 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan 1999 itu yang terdiri daripada RM47.042 bilion atau 72.3 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan RM18.053 bilion atau 27.7 peratus perbelanjaan pembangunan.

Rang undang-undang itu dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama pada 23 Okt lepas.

Pada persidangan hari ini, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu menggulung perbahasan bagi kementerian masing-masing.

Samy Vellu berkata beliau kecewa kerana masih ada kerajaan negeri yang ingkar dengan saranan kerajaan pusat supaya penswastaan bekalan air dilakukan secara keseluruhannya dan tidak hanya membabitkan loji-loji air sahaja.

"Perdana Menteri semasa mengadakan mesyuarat dengan menteri-menteri besar telah menyarankan supaya penswastaan bekalan air bersih turut membabitkan saluran kepada pengguna dan tidak hanya pada loji sahaja," katanya.

Ketika memberi penjelasan kepada soalan Dr Ramli Taib (BN-Kemaman), beliau tidak menafikan syarikat swasta yang mengambilalih pembersihan loji air daripada beberapa kerajaan negeri mengalami kerugian.

Mengenai penswastaan lebuhraya, beliau berkata perkara itu sedang dikaji semula oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) memandangkan kontraktor yang mendapat projek penswastaan menawarkan harga terlalu tinggi.

"Dalam projek pertama penswastaan lebuhraya, bagi satu kilometer kita bayar RM1 juta hingga RM3 juta tetapi kini harga meningkat antara RM20 juta dan RM30 juta bagi jarak yang sama kerana kerajaan mengenakan syarat kepada kontraktor supaya membuat persimpangan bertingkat," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata kerajaan akan hanya menggalakkan pembinaan persimpangan bertingkat bagi tempat-tempat yang diperlukan sahaja memandangkan setiap persimpangan bertingkat yang dibina berharga kira-kira RM45 juta.

Mengenai sama ada kerajaan akan menaikkan kadar bayaran tol tahun depan, Samy Vellu berkata perkara itu telah dikemukakan pada mesyuarat Kabinet.

"Saya menyatakan kalau kita tak mahu naikkan tol, kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat konsesi," katanya.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

NZ NMO